

## PERSEPSI PELAJAR BUKAN UNDANG-UNDANG UITM TERHADAP PEMBELAJARAN JARAK JAUH DAN TERBUKA (ODL) BAGI SUBJEK UNDANG-UNDANG KOMERSIAL

*PERCEPTIONS OF UITM PERAK'S NON-LAW STUDENTS TOWARDS ONLINE DISTANCE LEARNING (ODL) FOR COMMERCIAL LAW SUBJECT*

Afidah Osman<sup>1</sup>, Farihana Abdul Razak<sup>2\*</sup>, Nurhidha Irawaty Kasmaruddin<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Jabatan Undang-Undang, UiTM Cawangan Perak, Kampus Tapah, Malaysia

Email: afidah410@uitm.edu.my

<sup>2</sup> Jabatan Undang-Undang, UiTM Cawangan Perak, Kampus Tapah, Malaysia

Email: farihana@uitm.edu.my

<sup>3</sup> Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, Malaysia

Email: nurhi9087@uitm.edu.my

\* Corresponding Author

### Article Info:

#### Article history:

Received date: 15.02.2022

Revised date: 22.02.2022

Accepted date: 06.03.2022

Published date: 09.03.2022

#### To cite this document:

Osoman, A., Abdul Razak, F., & Kasmaruddin, N. I. (2022). Persepsi Pelajar Bukan Undang-Undang Uitm Terhadap Pembelajaran Jarak Jauh Dan Terbuka (ODL) Bagi Subjek Undang-Undang Komersial. *International Journal of Law, Government and Communication*, 7 (27), 71-79.

DOI: 10.35631/IJLGC.727008.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



### Abstrak:

Pengenalan kepada Undang-Undang Komersial, *LAW 240* merupakan subjek undang-undang wajib yang perlu diambil oleh pelajar daripada Fakulti Perakaunan di UiTM Cawangan Perak, Kampus Tapah bertujuan mendedahkan para pelajar tentang konsep asas undang-undang dan gambaran undang-undang komersial di Malaysia. Pembelajaran Jarak Jauh dan Terbuka (ODL), telah dilaksanakan bermula dari semester Mac 2020 sehingga semester Oktober 2021 berikutan penularan wabak *Covid-19*. Perubahan mod penyampaian syarahan ini telah berlangsung selama empat semester. Oleh itu, sama ada ODL akan diteruskan untuk semester Mac 2022 atau tidak adalah bergantung kepada graf wabak *Covid-19* dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Objektif kajian ini adalah untuk memperhalusi dan membincangkan persepsi pelajar bukan undang-undang daripada Fakulti Perakaunan UiTM Cawangan Perak, Kampus Tapah terhadap ODL bagi subjek Undang-Undang Komersial. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui kajian perpustakaan dan deskriptif. Maklumat dan data bagi kajian ini diperolehi melalui Borang *Google* (*Google Forms*) berikutan situasi semasa pandemik iaitu para pelajar menggunakan platform digital untuk ODL. Hasil kajian ini mendapati bahawa ODL tidak lagi memberi beban kepada pelajar bukan undang-undang sepetimana kali pertama mereka menghadapinya pada permulaan pengajian mereka dijalankan secara dalam talian.

**Kata Kunci:**

Pelajar bukan undang-undang, Covid-19, Pembelajaran Jarak Jauh dan Terbuka (ODL), Persepsi, Cabaran.

**Abstract:**

Introduction to Commercial Law, LAW 240 is a compulsory law subject that must be taken by students from the Faculty of Accountancy at UiTM Perak Branch, Tapah Campus with the aim of exposing students to the basic concepts of law and overview of commercial law in Malaysia. Online Distance Learning (ODL) was implemented starting from the semester of March 2020 until October 2021 due to the Covid-19 pandemic. This change in the mode of delivery of lecture has been going on for four semesters. Therefore, whether the ODL will be continued for the semester March 2022 *vice versa* is depending on the Covid-19 pandemic graph and the Malaysian Ministry of Higher Education. The objective of this study is to clarify and discuss the perceptions of non-law students from the Faculty of Accountancy UiTM Perak Branch, Tapah Campus on ODL for the subject of Commercial Law. This study employs qualitative methods through library and descriptive research. Data were obtained through Google Forms because students use digital platforms for ODL due to the current situation of the pandemic. The findings of this study show that ODL doesn't burden non-law students as than before at the beginning of their online learning.

**Keywords:**

Non-Law Students, Covid-19, Online Distance Learning (ODL), Perception, Challenges

## **Pengenalan**

Program Diploma Perakaunan yang ditawarkan di UiTM Cawangan Perak, Kampus Tapah mempunyai dua kod kursus undang-undang yang perlu diambil oleh para pelajar iaitu Pengenalan kepada Undang-undang Komersial, *LAW 240* dan Pengenalan kepada Undang-Undang Perkongsian dan Syarikat, *LAW 346* semasa di semester tiga dan empat pengajian mereka. Mod pengajaran dan pembelajaran adalah secara bersemuka. Namun begitu, penularan wabak Koronavirus atau dikenali dengan *Covid-19* telah mengejutkan seluruh dunia sehingga Pertubuhan Kesihatan Sedunia (*WHO*) mengisyiharkan wabak *Covid-19* sebagai Kecemasan Kesihatan Awam dengan Kebimbangan Antarabangsa (PHEIC) pada 30 Januari 2020. Penularan wabak *Covid-19* ini telah mengakibatkan penutupan hampir semua sektor pekerjaan, pendidikan dan sekatan keluar masuk dilakukan oleh pihak kerajaan bagi menangani krisis kesihatan ini. Bermula 18 Mac 2020, Kerajaan Malaysia telah mengeluarkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) bagi membendung penularan wabak *Covid-19* di negara ini (Izhar, Abd Rahman, & Aziz, 2021).

Aktiviti perniagaan, keagamaan, sukan dan pendidikan telah terjejas kerana terpaksa dihentikan (Jamil, 2021). Oleh itu, secara tidak langsung, mod pengajaran dan pembelajaran telah berubah daripada secara bersemuka kepada secara dalam talian yang dikenali sebagai Pembelajaran Jarak Jauh dan Terbuka (ODL). Perubahan ini pada mulanya kelihatan kurang memberi impak kerana semua pihak pada ketika itu cuba untuk memahami dan memulakan

proses baharu pengajaran dan pembelajaran. Para pensyarah bertungkus lumus memastikan pembelajaran jarak jauh dan terbuka yang disampaikan melalui mod secara dalam talian dapat disampaikan kepada para pelajar dengan baik dan sempurna.

Setelah dua tahun melalui mod secara dalam talian ini, pembelajaran jarak jauh dan terbuka telah menunjukkan penerimaan yang positif daripada pelajar dan pensyarah kerana objektifnya dapat dicapai dan diterima dengan baik. Justeru, kajian ini adalah untuk mermpmerhalusi dan membincangkan persepsi pelajar bukan undang-undang daripada Fakulti Perakaunan UiTM Cawangan Perak, Kampus Tapah terhadap pembelajaran jarak jauh dan terbuka bagi subjek Undang-Undang Komersial.

### Sorotan Literatur

Pendidikan dianggap sebagai proses bagi melahirkan seorang insan yang berkeperibadian mulia (Md Soh, Ismail, Mohd Sairi, & Ayob, 2021). Pendidikan berkaitan dengan perundungan tidak hanya terhad kepada pelajar undang-undang kerana pelajar yang mengikuti kursus profesional seperti perakaunan turut mengambil kod kursus bagi subjek undang-undang seperti Pengenalan kepada Undang-Undang Komersial dan Pengenalan kepada Undang-Undang Perkongsian dan Syarikat seperti yang ditetapkan oleh badan profesional bagi tujuan akreditasi (Abdul Razak, Osman, & Mohammad Patel, 2020). Apabila pelajar bukan undang-undang mempelajari subjek undang-undang buat kali pertama, mereka biasanya berasa gementar, merasakan undang-undang adalah subjek yang sangat mencabar dan meragui keupayaan mereka sendiri untuk memahami dengan berkesan (Razak & Azmi, 2019). Oleh itu, para pensyarah mempunyai peranan penting dalam menyampaikan ilmu agar diterima baik dan difahami oleh para pelajar.

Penularan wabak *Covid-19* pada pengakhiran tahun 2019 telah mengubah landskap pendidikan di seluruh negara terutamanya di negara membangun. Pokhrel & Chhetri (2021) dan Bhamani et al., (2020) dalam kajian mereka menyatakan bahawa kebanyakan kerajaan di seluruh dunia telah mengambil pendekatan dengan menutup sementara institusi pendidikan seperti sekolah, institut latihan dan pengajian tinggi dalam usaha mengawal dan mengekang penularan wabak *Covid-19*. Malahan, majoriti dunia telah memutuskan untuk mengetatkan sekatan keluar masuk, dan individu yang dijangkiti dengan wabak *Covid-19* wajib dikuarantinkan; oleh itu, keadaan ini telah memberi kesan kepada sekolah, kolej dan universiti (Dhawan, 2020). Wabak *Covid-19* telah mengakibatkan perubahan dalam mod pengajaran dan pembelajaran dimana penggunaan internet sebagai medium penyampaian ilmu telah diperkenalkan dan diketengahkan (M.Kes & M.Kep, 2020).

Dhawan (2020) berpendapat institusi pendidikan sentiasa mencari pendekatan pembelajaran alternatif untuk menyampaikan ilmu pada era kini terutama apabila gelombang wabak *Covid-19* yang telah melumpuhkan semua aktiviti secara bersemuka. Justeru, penutupan menyeluruh yang diumumkan oleh kerajaan telah memberi impak yang besar kepada sistem pendidikan kerana kelas secara bersemuka dihentikan serta merta dan beralih kepada pengajaran dalam talian dan pendidikan secara maya (Daniel, 2020).

Walaubagaimanapun, menurut Abu Hassan, Zainol Abidin, & Hassan (2021), wabak *Covid-19* dilihat sebagai faktor perubahan dan pemangkin untuk pelaksanaan menyeluruh pembelajaran dalam talian, selari dengan keperluan dalam Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0). Automasi, analisis dan *big data*, simulasi, integrasi sistem, penggunaan *robotic*, *cloud*, *Internet of Things* (IoT) merupakan contoh teknologi yang digunakan dalam Industri 4.0 (Noorashid, 2019). Mod

perubahan ini selaras dengan visi dan misi masa hadapan iaitu era Revolusi Industri 4.0 dan 5.0, dimana pembelajaran secara dalam talian tidak dihadkan oleh ruang dan masa (Abidah, Hidaayatullaah, Simamora, Fehabutar, & Mutakinati, 2020).

Kajian yang dilakukan oleh Wargadinata, Maimunah, Dewi, & Rofiq (2020) mendapati pembelajaran dalam talian menggabungkan pembelajaran dan pemindahan pengetahuan dengan menggunakan aplikasi digital bagi membolehkan dan melancarkan komunikasi antara pensyarah dan pelajar. Menurut Pokhrel & Chhetri (2021), penggunaan pedagogi yang sesuai dan relevan untuk pembelajaran jarak jauh dan terbuka yang melibatkan sambungan kepada teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) mestilah paling mudah untuk diakses oleh pensyarah dan pelajar. Sepertimana yang dibincangkan oleh Sahharon, Bolong, & Omar (2017), kedua-dua negara maju dan membangun masing-masing berusaha untuk mencapai matlamat menutupi jurang digital antara masyarakat bandar dan luar bandar terutama apabila era digital digunakan secara menyeluruh dalam pendidikan.

Salah satu elemen yang menyumbang kepada tahap tekanan pelajar ialah tanggungjawab mereka terhadap pembelajaran jarak jauh dan terbuka dimana mereka perlu menguasai ilmu yang disampaikan dan memahami dengan jelas tentang perkara yang dipelajari (Irawan, Dwisona, & Lestari, 2020). Oleh itu, wabak *Covid-19* telah memberi kesan kepada kehidupan pelajar yang melibatkan tahap pengajian, gred, kursus pengajian dan program yang diambil oleh mereka (Daniel, 2020). Selain itu, para pelajar juga menghadapi cabaran halangan teknologi, penyesuaian terhadap pengajian secara dalam talian, situasi dan personaliti (Abu Hassan et al., 2021).

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui kajian perpustakaan dan deskriptif. Hsieh & Shannon (2005) menjelaskan salah satu kaedah penyelidikan yang digunakan bagi meneliti data teks ialah analisis kandungan kualitatif dan proses analisis data bermula dengan carian manual ataupun melalui komputer. Menurut Safdar, M. Abbo, Knobloch, & K. Seo (2016), kaedah kualitatif digunakan untuk mengenal pasti topik yang berkaitan dengan penyelidik. Justeru, reka bentuk kualitatif menggunakan pendekatan deskriptif digunakan bagi melakukan kajian ini untuk mendapatkan respons yang relevan terhadap persepsi pelajar bukan undang-undang UiTM terhadap Pembelajaran Jarak Jauh dan Terbuka (ODL) bagi subjek Undang-Undang Komersial.

Pengkaji menggunakan borang *Google (Google Forms)* dengan mengambilkira situasi pandemik Covid-19. Borang Google (*Google Forms*) diperkenalkan dalam bentuk templat atau lembaran kerja yang mudah difahami, mempunyai pelbagai bahasa, dan templat boleh digunakan secara bebas atau digabungkan bagi mengumpul maklumat daripada responden (Nurmahmudah & Nuryuniarti, 2020).


Dalam kajian ini, soalan kaji selidik diberikan kepada pelajar bukan undang-undang daripada Fakulti Perakuanan, UiTM Cawangan Perak, Kampus Tapah bagi mengumpul data primer daripada responden. Kajian ini dijalankan pada penghujung semester Oktober 2021-Febuari 2022 untuk mendapatkan maklum balas dan persepsi para pelajar tentang pengalaman Pembelajaran Jarak Jauh dan Terbuka (ODL) mereka. Kajian deskriptif yang digunakan dalam kajian ini adalah untuk membincangkan secara terperinci melalui soroton literatur atau karya berdasarkan maklum balas yang relevan persepsi pelajar bukan undang-undang terhadap Pembelajaran Jarak Jauh dan Terbuka (ODL) bagi subjek undang-undang.

## **Penemuan Kajian**

Dalam bahagian ini, kajian membincangkan penemuan berdasarkan pemerhatian terhadap jawapan kaji selidik yang telah dihantar oleh responden. Seramai 326 responden yang telah menjawab kaji selidik secara dalam talian melalui borang *Google (Google Forms)* ini. Data primer ini diambil melalui kaji selidik secara dalam talian yang dijalankan oleh pengkaji terhadap pelajar daripada Fakulti Perakaunan yang mengambil subjek undang-undang dengan kod kursus *LAW 240* di UiTM Cawangan Perak, Kampus Tapah. Oleh itu, bagi memperhalusi persepsi pelajar berhubung dengan Pembelajaran Jarak Jauh dan Terbuka (ODL) yang dilalui oleh mereka, beberapa data yang dikumpul telah direkod bagi analisa kajian ini.

### **Responden**


Seramai 326 responden yang merupakan pelajar daripada Fakulti Perakaunan yang mengambil kod kursus *LAW 240* telah menjawab soalan daripada kaji selidik secara dalam talian yang dikemukakan melalui Borang *Google (Google Forms)* terdiri daripada lapan kelas iaitu kelas 3A, 3B, 3C, 3D, 3I, 3J, 3K dan 3M seperti Rajah 1 dibawah.



**Rajah 1: Responden**

### **Kelas Secara Bersemuka**


74.5% daripada 326 responden telah menjawab suka dengan kelas secara bersemuka sebaliknya, 25.5% daripada 326 responden tidak menyukai kelas secara bersemuka. Peratusan ini menunjukkan bahawa 25.5% pelajar bukan undang-undang berhadapan dengan keadaan yang sihat dan kondusif serta mudah melalui kelas secara dalam talian seperti yang dikemukakan dalam Rajah 2. Melalui penelitian, responden cenderung memilih untuk mempelajari subjek undang-undang melalui perkuliahan di dalam kelas, iaitu secara bersemuka. Oleh itu, sekiranya penularan wabak *Covid-19* dapat dikekang dan penurunan kes berlaku dalam komuniti, kebarangkalian pembelajaran secara bersemuka di kampus dapat dijalankan.



**Rajah 2: Kelas Bersemuka**

**Pembelajaran Jarak Jauh dan Terbuka (ODL)**

Berdasarkan Rajah 3 dibawah, 67.5% responden memilih bahawa Pembelajaran Jarak Jauh dan Terbuka (ODL) tidak memberikan bebanan kepada mereka. Sebaliknya, 32.5% responden bersetuju bahawa pembelajaran jarak jauh dan terbuka membebankan mereka. Bebanan yang dimaksudkan adalah keadaan persekitaran dan cabaran dalam mendepani kuliah secara dalam talian.




**Rajah 3: Pembelajaran Jarak Jauh dan Terbuka (ODL)**

**Cabarannya yang Dihadapi Pelajar Bukan Undang-Undang bagi Pembelajaran Jarak Jauh dan Terbuka (ODL)**

Rajah 4 dibawah menunjukkan beberapa keadaan yang merupakan cabaran yang dihadapi oleh responden. Antara cabaran mereka adalah 15.3% daripada responden telah menghadapi peristiwa banjir dan tiada bekalan elektrik yang telah merencatkan pembelajaran jarak jauh dan terbuka kerana mereka memerlukan peranti yang menggunakan bekalan elektrik. Selain itu, keadaan bencana alam seperti banjir telah menyebabkan emosi mereka juga terganggu. Selain itu, kajian ini mendapati bahawa 23.3% daripada responden menghadapi cabaran menjaga ibu bapa dan adik beradik mereka yang tidak sihat atau bergantung sepenuhnya terhadap responden. Hal ini merupakan cabaran terbesar bagi seorang pelajar. Walaubagaimanapun, melalui pembelajaran jarak jauh dan terbuka, responden dapat memberikan perhatian secara tidak langsung kepada ahli keluarga yang memerlukan mereka seterusnya menjadikan mereka kuat serta tabah untuk membantu kehidupan mereka dengan menekuni pengajian di peringkat

universiti. Didapati 18.4% daripada responden mempunyai masalah keluarga yang menjadi cabaran utama kepada mereka. Melalui kaji selidik yang dijalankan secara dalam talian, 55.5% daripada responden menyifatkan capaian internet sebagai salah satu cabaran yang dihadapi oleh mereka dan menjadikannya cabaran utama dalam menghadapi pembelajaran secara dalam talian. Keadaan ini boleh berlaku berdasarkan lokasi penempatan mereka sama ada di luar bandar ataupun bandar.



**Rajah 4: Cabaran yang Dihadapi Pelajar Bukan Undang-Undang bagi Pembelajaran Jarak Jauh dan Terbuka (ODL)**

## Kesimpulan

Sebelum penularan wabak *Covid-19*, cabaran pelajar bukan undang-undang mempelajari subjek undang-undang adalah modul, reka bentuk kurikulum, gaya pengajaran pensyarah dan istilah undang-undang yang digunakan dalam subjek tersebut (Abdul Razak et al., 2020). Namun begitu, cabaran yang dihadapi pelajar kini menjurus kepada beberapa perkara yang baharu seperti capaian internet, masalah peribadi yang melibatkan hal keluarga, penggunaan alat peranti yang tidak memuaskan atau terpaksa berkongsi dengan adik beradik yang lain, kehilangan motivasi diri, mudah terganggu apabila belajar dari rumah dan kurang memahami subjek yang dipelajari melalui pembelajaran jarak jauh dan terbuka. Tambahan pula, dalam dunia hari ini, capaian internet menjadi keutamaan dalam kehidupan seharian dan dicadangkan agar kelajuannya dipertingkatkan kerana setiap transaksi, termasuk pengajaran dan pembelajaran dijalankan secara dalam talian. Sambungan yang lemah akan mengakibatkan perasaan tidak bermotivasi dan tidak menyenangkan berlaku. Kerajaan perlu mengutamakan kestabilan sambungan internet untuk tujuan pendidikan sama ada di bandar dan luar bandar. Oleh itu, dirumuskan bahawa persepsi pelajar bukan undang-undang daripada Fakulti Perakaunan UiTM Cawangan Perak, Kampus Tapah terhadap pembelajaran jarak jauh dan terbuka bagi subjek Undang-Undang Komersial mendapati bahawa pembelajaran jarak jauh dan terbuka tidak terlalu memberi bebanan kepada mereka sepetimana kali pertama mereka menghadapinya pada permulaan pengajian mereka secara dalam talian.

## Rujukan

- Abdul Razak, F., Osman, A., & Mohammad Patel, I. F. (2020). Teaching Law to Non-Law Background Students: Challenges and Strategies. *International Journal of Humanities and Social Science Invention (IJHSSI)*, 9(3), 51–55.
- Abidah, A., Hidaayatullaah, H. N., Simamora, R. M., Fehabutar, D., & Mutakinati, L. (2020). The Impact of Covid-19 to Indonesian Education and Its Relation to the Philosophy of “Merdeka Belajar”. *Studies in Philosophy of Science and Education*, 1(1), 38–49. <https://doi.org/10.46627/SIPOSE.V1I1.9>
- Abu Hassan, S. A., Zainol Abidin, S., & Hassan, Z. (2021). Keberkesanan Pembelajaran dan Pengajaran Pelajar di Kolej Komuniti Hulu Langat. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*, 10, 1–14.
- Bhamani, S., Makhdoom, A. Z., Bharuchi, V., Ali, N., Kaleem, S., & Ahmed, D. (2020). Home Learning in Times of COVID: Experiences of Parents. *Journal of Education and Educational Development*, 7(1), 9–26. <https://doi.org/10.22555/joeed.v7i1.3260>
- Daniel, S. J. (2020). Education and the COVID-19 Pandemic. *Prospects*, 49, 91–96. <https://doi.org/10.1007/S11125-020-09464-3>
- Dhawan, S. (2020). Online Learning: A Panacea in the Time of COVID-19 Crisis. *Journal of Educational Technology Systems*, 49(1), 5–22. <https://doi.org/10.1177/0047239520934018>
- Hsieh, H.-F., & Shannon, S. E. (2005). Three Approaches to Qualitative Content Analysis. *Qualitative Health Research*, 15(9), 1277–1288. <https://doi.org/10.1177/1049732305276687>
- Irawan, A. W., Dwisona, & Lestari, M. (2020). Psychological Impacts of Students on Online Learning During the Pandemic COVID-19. *KONSELI: Jurnal Bimbingan Dan Konseling (E-Journal)*, 7(1), 53–60. <https://doi.org/10.24042/KONS.V7I1.6389>
- Izhar, M. F., Abd Rahman, I. H., & Aziz, A. (2021). Pandemik Covid-19: Pendekatan Kerajaan Malaysia Dalam Mengurus Keselamatan Negara. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6(26), 23–38. <https://doi.org/10.35631/IJLG.C.626003>

- Jamil, I. (2021). Video Animasi sebagai Medium Pembelajaran dan Pendekatan Kreatif terhadap Kesedaran COVID-19 bagi Pelajar Dalam Sesi Pemebelajaran Terbuka dan Jarak Jauh. *International Journal of Art & Design*, 5(1), 1–13.
- M.Kes, R., & M.Kep, N. E. M. P. (2020). Learning From Home dalam Perspektif Persepsi Mahasiswa Era Pandemi Covid-19. *Prosiding Seminar Nasional Hardiknas*, 1, 17–24.
- Md Soh, N. S., Ismail, H., Mohd Sairi, F., & Ayob, M. A. S. (2021). Nilai Murni dalam Pendidikan 5.0. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 5(December), 1–11.
- Noorashid, N. A. (2019). Revolusi Industri 4.0: Impak Terhadap Perkembangan Pendidikan Tinggi di Malaysia. *Journal of Science and Management Research*, 55–67.
- Nurmahmudah, E., & Nuryuniarti, R. (2020). Google Forms Utilization for Student Satisfaction Survey towards Quality of Service at Universitas Muhammadiyah Tasikmalaya. *Journal of Physics: Conference Series*, 1477, 1–6. <https://doi.org/10.1088/1742-6596/1477/2/022003>
- Pokhrel, S., & Chhetri, R. (2021). A Literature Review on Impact of COVID-19 Pandemic on Teaching and Learning. *Higher Education for the Future*, 8(1), 133–141. <https://doi.org/10.1177/2347631120983481>
- Razak, F. A., & Azmi, A. F. (2019). The Effectiveness of Studying Commercial Law Through E-Learning Among UiTM Non-Law Students: Perceptions and Guidelines. *National Technology Research in Engineering, Design and Social Science Conference*, 1–8.
- Safdar, N., M.Aabbo, L., Knobloch, M. J., & K.Seo, S. (2016). Research Methods in Healthcare Epidemiology: Survey and Qualitative Research. *Infection Control & Hospital Epidemiology*, 37(11), 1272–1277.
- Sahharon, H., Bolong, J., & Omar, S. Z. (2017). Problems in Using the Wireless Village Services in Malaysia: The Non-Users Perspectives. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(3). <https://doi.org/10.6007/IJARBSS/v7-i3/2728>
- Wargadinata, W., Maimunah, I., Dewi, E., & Rofiq, Z. (2020). Student's Responses on Learning in the Early COVID-19 Pandemic. *Tadris: Jurnal Keguruan Dan Ilmu Tarbiyah*, 5(1), 141–153. <https://doi.org/10.24042/TADRIS.V5I1.6153>